



Anwar pada sidang media bersama wakil media Malaysia di Astana, Kazakhstan, semalam.

(Foto BERNAMA)

# Laporan baki saham MAHB dimiliki firma pro-Zionis fitnah

## Dakwaan pembangkang hanya mahu cetus kebencian rakyat kepada kerajaan

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim  
bhnews@bh.com.my

**Astana:** Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata laporan yang menyatakan 25 peratus baki saham Malaysia Airport Berhad (MAHB) akan dimiliki syarikat pro-Zionis, tidak berasas.

Beliau berkata, dakwaan yang dibangkitkan pembangkang itu hanyalah semata-mata untuk melahirkan kebencian rakyat kepada kerajaan.

“Tiada yang positif daripada dia (pembangkang). Hanya menghasut penuh dengan kebencian dan dengki. Segala kenyataan kita yang diakui oleh dunia termasuk pertemuan dengan pemimpin Hamas Ismail Haniyeh tidak beri sesuatu yang positif kepadanya. Yang dicari adalah fitnah dan hasutan.

“Ringgit dan bursa bertambah mengukuh itu hanya menyakitkan hati mereka (pembangkang),” katanya pada sidang media hari terakhir lawatan kerja rasmi dua hari ke Kazakhstan di sini, mengikut laporan BERNAMA semalam.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata demikian ketika ditanya mengenai laporan yang menyatakan Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) akan membeli saham MAHB sehingga 70 peratus, manakala lima peratus lagi akan dikuasai kerajaan Abu Dhabi.

### Sokong langkah Khazanah

Dalam pada itu, di Putrajaya, Menteri Pengangkutan, Anthony Loke, berkata kerajaan menyokong langkah Khazanah dan KWSP mengambil alih semua saham dalam MAHB yang belum dimiliki mereka.

Katanya, langkah penswastan itu membolehkan Khazanah dan KWSP menerusi konsortium diterajui mereka meningkatkan lagi pegangan dalam syarikat.

“Ada dakwaan kata Khazanah jual MAHB kepada syarikat asing... tidak, ini maksudnya konsortium ini akan menguasai MAHB dengan lebih banyak.

“Sudah tentu bagi Kementerian Pengangkutan, kita selari dan seiring dengan tindakan serta keputusan Khazanah kerana Khazanah sebagai pengurus aset strategik kerajaan, sudah tentu kita sokong langkah ini,” katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Pasukan Petugas Logistik Kebangsaan (NLTF) di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai langkah keputusan Khazanah dan KWSP mengambil alih saham MAHB

yang belum dimiliki mereka serta dakwaan Khazanah menjual syarikat itu kepada pihak luar.

Rabu lalu, konsortium diterajui Khazanah dan KWSP mengumumkan tawaran sukarela prasyarat bagi mengambil alih semua saham dalam MAHB yang belum dimiliki oleh mereka pada harga tawaran RM11 sesaham.

Konsortium dikenali sebagai Gateway Development Alliance (GDA) itu terdiri daripada Khazanah menerusi anak syarikat milik penuhnya, UEM Group Bhd; KWSP; anak syarikat milik penuh Abu Dhabi Investment Authority (ADIA); dan dana yang diuruskan oleh Global Infrastructure Partners (GIP), salah satu pelabur infrastruktur terkemuka sedunia dengan pengalaman memiliki serta menguruskan lapangan terbang.

Mengenai dakwaan Ahli Parlimen Machang, Wan Ahmad Fayhsal Wan Ahmad kononnya kerajaan menjual sebahagian saham MAHB kepada syarikat asing, Loke berkata, perkara itu tidak benar.

“Maklumat dia salah, dia kata kita jual, mana ada kita jual, sebaliknya melalui langkah ini, Khazanah akan meningkatkan lagi pegangannya dalam MAHB.

“Andaian dia bahawa kita jual (MAHB), langkah ini tidak bermaksud Khazanah menjual pegangan mereka dalam MAHB sebaliknya Khazanah dan KWSP meningkatkan lagi pegangan mereka dalam MAHB,” katanya.